

## UTUSAN MALAYSIA – JUMAAT 24 MAC 2017



SEBAHAGIAN peserta Kejohanan Futsal Piala WCT Kidss di Kompleks Sukan Panasonic di Shah Alam, Selangor, baru-baru ini.

### 90 kanak-kanak sertai Kejohanan Futsal Piala Kidss WCT 2017

**SHAH ALAM 23 Mac** – Seramai 90 kanak-kanak sekolah rendah di sekitar Lembah Klang menyertai Kejohanan Futsal Piala Kidss WCT 2017 dianjurkan WCT Holding Berhad di Kompleks Sukan Panasonic di sini baru-baru ini.

Pengarah Strategiknya, Ng Chee Kiet berkata, kejohanan itu merupakan sebahagian program latihan Sekolah Sukan Kanak-kanak WCT (Kidss) yang diperkenalkan oleh syarikat pemaju

hartanah itu bagi menggalakkan amalan gaya hidup sihat dalam kalangan kanak-kanak.

Menurutnya, program tahunan yang diadakan sejak 2013 itu merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) selain membantu mencungkil bakat baharu dalam bidang sukan.

“Seramai 90 peserta berumur sembilan hingga 12 tahun dari pada pelbagai bangsa menyertai

program itu termasuk 17 anak yatim.

“Sebelum menyertai pertandingan mereka diberi peluang menjalani latihan intensif yang dikendalikan jurulatih dari Subang Jaya Youth Academy.

“Mereka diajar tentang asas futsal termasuk cara mengawal bola, menghantar bola, menendang, taktik bertahan dan strategi permainan,” katanya ketika ditemui di sini.

Mengulas lanjut, katanya, selain futsal, pihaknya juga menganjurkan kejohanan bola keranjang di kompleks tersebut.

“Lebih 100 peserta menyertai pertandingan itu dan sama seperti peserta futsal lain yang menyertai program latihan.

“Program latihan bola keranjang itu pula dikendalikan All Star Basketball Academy selama empat sesi bermula Februari lalu,” jelasnya.